

KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN SOLAT DHUHA OLEH GURU-GURU SEKOLAH ISLAM SRI AYESHA

[UNDERSTANDING AND IMPLEMENTATION OF DHUHA PRAYER BY TEACHERS OF SEKOLAH ISLAM SRI AYESHA]

MUHAMMAD AL-HAFES KAMARUL BAHARIN^{1*} & HARUN BAHRUDIN¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Corespondent Email: harunbaharudin@ukm.edu.my

Received: 24 March 2025

Accepted: 26 May 2025

Published: 12 June 2025

Abstrak: Pelaksanaan ibadah dalam kalangan guru boleh menjadi ikutan kepada pelajar, terutama sekali yang berkaitan dengan ibadah sunat. Guru berperanan mendidik pelajar agar memiliki akhlak mulia serta menjadi teladan yang positif bagi mereka. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kefahaman dan pelaksanaan guru-guru Sekolah Islam Sri Ayesha terhadap solat Dhuha. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif dengan membuat instrumen soal selidik terhadap sampel soal selidik yang diambil daripada kalangan para guru Sekolah Islam Sri Ayesha. Jumlah responden kajian adalah seramai 30 orang. Kajian mendapati sebilangan besar guru-guru Sekolah Islam Sri Ayesha mempunyai kefahaman yang baik terhadap solat Dhuha namun demikian mereka tidak menterjemahkan kefahaman tersebut untuk mengerjakannya secara konsisten. Secara keseluruhannya, kefahaman para guru Sekolah Islam Sri Ayesha agak baik. Namun begitu terdapat segelintir yang perlu diperbaiki kefahaman mereka. Hal ini kerana solat sunat Dhuha dilihat sama seperti solat-solat sunat yang umum. Walaupun begitu, terdapat juga para guru yang masih belum lagi memahami dengan sempurna ibadah solat sunat Dhuha. Majoriti kalangan mereka mengerjakan solat sunat Dhuha secara bersendirian berbanding berjemaah bersama murid-murid. Mereka juga bukan hanya menunaikannya ketika berada di sekolah sahaja, bahkan ketika berada di rumah dan juga selain daripada sesi persekolahan. Justeru perlu diadakan dan diwujudkan usaha dan kaedah untuk memberi kefahaman kepada mereka. Manakala daripada sudut pengamalan solat Dhuha pula, kebanyakan para guru tidak konsisten menunaikan solat Dhuha setiap hari. Guru adalah model kepada anak murid dan mereka perlu menunjukkan contoh tauladan dan menggalakkan pelajar untuk kearah kebaikan.

Kata Kunci solat Dhuha, kefahaman, pelaksanaan, guru, pelajar, akhlak.

Abstract: The practice of worship among teachers can serve as a model for students, especially regarding voluntary (sunnah) worship. Teachers play a role in educating students to possess noble character and serve as positive role models for them. This study aims to analyze the understanding and implementation of Dhuha prayer among teachers at Sekolah Islam Sri Ayesha. The research methodology employed is quantitative, using a questionnaire instrument administered to a sample of teachers from Sekolah Islam Sri Ayesha. The total number of respondents in the study is 30. The study found that the majority of teachers at Sekolah Islam Sri Ayesha have a good understanding of the Dhuha prayer. However, they do not consistently translate this understanding into consistent practice. Overall, the teachers' understanding of the Dhuha prayer is quite good, although there are a few who need improvement. This is because the Dhuha prayer is perceived similarly to other general voluntary prayers. Nevertheless, there are also teachers who do not yet fully understand the practice of the Dhuha prayer.

Most of them perform the Dhuha prayer individually rather than congregationally with students. Additionally, they do not only perform it at school but also at home and outside of school sessions. Therefore, efforts and methods to provide better understanding to them are needed. As for the practice of the Dhuha prayer, most teachers do not consistently perform it daily. Teachers are role models for students, and they need to demonstrate good examples and encourage students toward goodness.

Keywords: Dhuha prayer, understanding, implementation, teachers, students, character

Cite This Article:

Muhammad al-Hafes Kamarul Baharin & Harun Baharudin. (2025). Kefahaman dan Pelaksanaan Solat Dhuha oleh Guru-Guru Sekolah Islam Sri Ayesha [Understanding and Implementation of Dhuha Prayer by Teachers of Sekolah Islam Sri Ayesha]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(2), 1-14.

PENDAHULUAN

Jika dirujuk di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘dhuha’ bermaksud waktu pagi sehingga menjelang tengah hari. Solat Dhuha merupakan salah satu daripada solat *nafilah* (sunat) yang dituntut. Terdapat banyak nas yang menyebutkan tentang kelebihan dan kepentingan solat ini. Antaranya seperti yang disebutkan oleh Abu Hurairah R.A, yang mana beliau berkata:

أوصَانِي خَلِيلِي صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثٍ بِصِيَامٍ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَرُكْعَتِي الْضَّحَى وَأَنْ
أُوتَرَ قَبْلَ أَنْ أَرْقُدَ

“Kekasihku telah berpesan kepadaku terhadap tiga perkara, iaitu : berpuasa sebanyak tiga hari dalam sebulan, dua rakaat solat dhuha dan supaya aku melakukan solat witir sebelum tidur.”

[al-Muslim, Sahih Muslim, Kitab Salah, no hadis: 721]

Bagi mereka yang melaksanakan solat Dhuha, ganjaran syurga akan diberikan oleh Allah SWT. Dinyatakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Di syurga terdapat sebuah pintu yang dinamakan Bab al-Dhuha (Pintu Dhuha), dan pada Hari Kiamat akan ada diseru, 'Di manakah orang yang sentiasa melaksanakan solat dhuha? Pintu ini adalah milik kamu, masuklah dengan kasih sayang Allah."

[al-Albānī, Silsilah al-Āḥādīth al-Da‘īfah wal-Mawdū‘ah Mujarradah ‘An al-Takhrīj, no hadis: 1807].

Solat Dhuha dijadikan sebagai sebab terpenuhinya keperluan hidup. Rezeki orang yang ikhlas melaksanakan solat Dhuha untuk Allah SWT akan dimudahkan, sepetimana difirmankan dalam surah al-Talaq ayat 2-3 :

وَمَنْ يَتَّقِيَ اللَّهُ يَجْعَلُ لَهُ مُخْرَجًا وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

“Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya.”

(al-Qur'an, al-Talaq, 65: 2-3)

Guru berperanan sebagai teladan bagi pelajar dan bertanggungjawab membentuk akhlak mulia dalam kalangan mereka. Kepimpinan melalui tauladan, begitulah ungkapan yang sesuai dinyatakan apabila perlakuan dan perbuatan guru boleh mempengaruhi murid termasuk perkara ibadah. Kajian ini dijalankan bagi meninjau kefahaman para guru Sekolah Islam Sri Ayesha terhadap pelaksanaan solat Dhuha. Di samping itu juga untuk mengemukakan amalan solat Dhuha di kalangan guru-guru.

Sebelum ini terdapat kajian terhadap pelajar universiti oleh Nadwa Farhana Lubis binti Ganden Lubis et al., (2018) yang menyatakan konsep solat sunat Dhuha menurut perspektif Al-Sunnah difahami oleh para pelajar. Namun, konsep sebenar solat sunat Dhuha tidak difahami dengan lebih mendalam oleh para pelajar, melainkan hanya dari sudut istilah sahaja. Tahap pemahaman terhadap solat sunat dalam kalangan pelajar dianggap tinggi, namun tahap pelaksanaan solat sunat dinilai pada tahap sederhana (Siti Zaleha Ibrahim et al., 2023). Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat pula daripada sudut perspektif guru yang mana golongan pendidik seharusnya menunjukkan hasil yang lebih positif kerana mereka dilingkungi oleh murid-murid yang menjadikan diri mereka sebagai panduan.

Perkara yang akan dirungkaikan di dalam kajian ini adalah untuk menganalisis kefahaman dan pelaksanaan amalan solat Dhuha oleh para guru pula dan kajian dijalankan kepada guru-guru Sekolah Islam Sri Ayesha yang melibatkan guru lelaki dan guru perempuan. Guru mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk tingkah laku pelajar. Salah satu peranan penting guru adalah memberikan motivasi kepada pelajar. Sebagai sebahagian daripada persekitaran pembelajaran, guru memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran dan dalam meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran (Quszaini Abd Manan, 2023).

TINJAUAN LITERATUR

Setiap amal ibadah yang diwajibkan memiliki kelebihan dan keistimewaan masing-masing. Justeru, ibadat perlu dijalankan berdasarkan rasa keinsafan dalam diri, dan bukan hanya didorong dengan mengharapkan terhadap hikmah dan fadilatnya. Terdapat dalil-dalil berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang menyuntik motivasi kepada umatnya untuk mengamalkan solat sunat Dhuha dan disebut sekali dengan kelebihannya bagi memberikan semangat dan kekuatan untuk mengerjakan ibadah tersebut itu :

من حافظ على شفاعة الصحى عُفِرت ذنوّه وإن كانت أكثر من زيد البحر

“Barangsiapa yang menjaga sembahyang Dhuhanya, nescaya diampuni Allah baginya akan segala dosanya walaupun banyak seperti buih di lautan”.

[Ibnu al-Qayyim, Zādul Mā’ad, no hadis 348]

Solat Dhuha merupakan salah satu solat sunat yang amat dituntut untuk dikerjakan oleh setiap muslim. Ia juga dikenali dengan nama solat al-Awwabin dan waktu mengerjakannya bermula setelah terbitnya matahari. Solat ini juga tanda kesyukuran seorang hamba yang dikurniakan lengkap sendi tulangnya sebanyak 360 batang pada setiap pagi yang dilaluinya. Justeru, Dhuha atau pagi yang penuh nikmat Allah SWT itu disyukuri dengan menyembah Allah SWT sebagai tanda terima kasih seorang hamba kepada *khaliqNya* (Zuarida Mohyin, 2008). Menurut Ramlie Awang et.al 2010, seorang mukmin yang sejati tidak akan merasa cukup hanya dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui pelaksanaan kewajipan fardu semata-mata. Sebaliknya, dia berusaha untuk mencapai maqam yang lebih tinggi, iaitu “maqam mahmudah” atau maqam yang terpuji, dengan memperbanyak ibadah tambahan seperti solat-solat sunat. Mukmin yang memiliki jiwa dan azam yang kukuh tidak akan merasa terbeban untuk melaksanakan solat-solat sunat di samping solat fardu yang diwajibkan. Malah, mereka berasa bahagia dan memperoleh ketenangan jiwa dengan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

Model KAP (Pengetahuan, Sikap dan Amalan) telah diperkenalkan sejak tahun 1950-an untuk memahami perubahan tingkah laku masyarakat. Model ini menerangkan bahawa pengetahuan yang diperoleh akan membentuk sikap, dan sikap positif akan mendorong kepada amalan yang berterusan. Ia digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti kesihatan, pendidikan dan sosial untuk menilai keberkesanan program dalam membentuk tingkah laku yang diingini. (Khadijah Muda et al., 2023). Pengetahuan merupakan asas penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku seseorang. Apabila seseorang memperoleh lebih banyak pengetahuan, ia akan mendorong perubahan dalam cara berfikir dan bertindak. Tanpa pengetahuan yang mencukupi, individu sukar untuk memberi respon atau membuat keputusan terhadap sesuatu isu atau maklumat yang diterimanya (Mohd Hilmi Mahmud et al., 2013). Kajian Muhammad Hafiy Abdul Rashid et al., (2021) menunjukkan bahawa pengetahuan tentang ganjaran yang akan diperoleh apabila sunnah diamalkan akan membantu pelajar untuk terus mengamalkannya. Kefahaman tentang sunnah berkaitan perbuatan harian dianggap sebagai suatu perkara yang paling penting dalam kehidupan kerana kefahaman tentang sunnah itu dapat menanamkan keimanan dalam hati seseorang dan secara tidak langsung diterjemahkan dalam perbuatan seharian.

Allah SWT tidak akan membiarkan hamba-hamba Nya dalam hidup tanpa petunjuk atau dibiarkan dalam keadaan terumbang-ambing tanpa pedoman. Dengan rahmat dan nikmat-Nya yang tidak terhingga, manusia tidak dibiarkan tanpa pengisian rohani dan amalan yang membentuk jiwa. Bahkan Allah SWT dan Rasul-Nya menunjukkan jalan-jalan ke arah ketaatan dan membuka pintu kebaikan dan kebijakan yang boleh diamalkan oleh manusia. Salah satu ibadat sunat yang dianjurkan ialah solat sunat Dhuha (Zuarida Mohyin, 2006). Imam Nawawi menyatakan di dalam *Sharah Sahih Muslim*, solat Dhuha adalah ibadah sunat. Solat Dhuha

dikerjakan oleh Rasulullah SAW ketika matahari naik menegak. Solat Dhuha adalah sunnah yang penuh dengan keutamaan dan membawa pahala yang berlimpah menyerupai pahala bersedekah dan dosa akan diampunkan.

Rasulullah SAW sering melaksanakan 8 rakaat dan paling banyak yang dikerjakan baginda ialah 12 rakaat. Paling sedikit yang boleh dilakukan adalah sebanyak 2 rakaat.

أَوْصَانِي خَلِيلِي صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثَةِ بِصِيَامٍ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَرُكْعَتِي الصُّحْنِي وَأَنْ
أُوتَرَ قَبْلَ أَنْ أَرْقُدَ

“Kekasihku telah berpesan kepadaku terhadap tiga perkara, iaitu : berpuasa sebanyak tiga hari dalam sebulan, dua rakaat solat dhuha dan supaya aku melakukan solat witir sebelum tidur.”

[al-Muslim, Sahih Muslim, Kitab Salah, no hadis: 721]

Solat Dhuha merupakan amalan yang dituntut oleh Allah SWT dalam kehidupan seharian hambaNya. Amalan-amalan sunat perlu dilakukan atas dasar kerelaan hati seseorang hamba demi menampung kelompongan amalan-amalan fardhu yang sememangnya menjadi kewajipan seorang Muslim (Farah Ellina Khaidzir et al., 2019). Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ ، فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ ، وَ إِنْ
فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسَرَ ، وَ إِنْ انتَقَصَ مِنْ فِرِيضَتِهِ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : انظروا هُلْ لِعَبْدِي مِنْ
تَطْوِيعٍ يَكْمِلُ بِهِ مَا انتَقَصَ مِنْ الْفِرِيضَةِ ؟ ثُمَّ يَكُونُ سَائِرُ عَمَلِهِ عَلَى ذَلِكَ.

“Sesungguhnya amalan pertama yang akan dihisab ke atas seorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya. Jika solatnya baik, maka dia telah berjaya dan beruntung. Jika solatnya rosak, maka dia rugi dan binasa. Jika terdapat kekurangan dalam solat fardunya, maka Allah Yang Maha Mulia dan Maha Tinggi berfirman: 'Lihatlah adakah hamba-Ku itu memiliki solat sunat.' Lalu solat sunat itu dijadikan pelengkap kepada kekurangan dalam solat fardunya. Kemudian seluruh amalannya akan dihisab seperti itu juga”.

[al-Albāni, Sahīh Al-Targhīb, no hadis: 540]

Menurut Abu Bakar et al., (2018), solat Dhuha mempunyai kelebihan kepada sesiapa yang bukan sahaja mengerjakan, tetapi menjadikannya satu amalan harian. Kepentingan dan manfaat solat sunat Dhuha amatlah banyak sehingga Rasulullah SAW amat menganjurkan umat baginda untuk melakukannya. Antara kelebihan utamanya adalah sebagai pembuka rezeki. Rasulullah SAW bersabda :

قالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: يَا ابْنَ آدَمَ، لَا تَعْجِزْ عَنْ أَرْبِعِ رَكْعَاتٍ مِنْ أَوَّلِ النَّهَارِ؛ أَكْفِلَكَ آخِرَهُ
“Wahai anak Adam, janganlah engkau malas mengerjakan empat rakaat di awal pagi, nescaya Aku akan mencukupkan (keperluanmu) hingga ke penghujung

hari”.

[*Shu’ayb al-Arnā’ut, Takhrīj al-Musnad Lī Shu’ayb, no hadis: 22469]*

Oleh itu, bagi mereka yang mengharapkan dibukakan pintu rezeki, selain daripada rutin pekerjaan dan doa, hendaklah mendidik diri untuk menjadikan solat Dhuha sebagai satu amalan harian.

Model KAP mengandungi komponen pengetahuan sebagai asas utama dalam memahami tingkah laku individu. Tingkah laku yang ditampilkan oleh seseorang lazimnya berpunca daripada tahap pemahaman mereka terhadap persekitaran dan situasi yang dihadapi. Dalam konteks ini, semakin jelas dan mendalam pengetahuan yang mereka miliki, maka semakin besar kemungkinan seseorang itu bertindak secara rasional dan terarah berdasarkan kefahaman tersebut (Zuraida Kamaruddin et al., 2022). Satu kajian daripada Nadwah Farhana Lubis et. al., (2018) yang membincangkan tentang perspektif solat Dhuha di kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menyatakan para pelajar dapat memahami konsep solat sunat Dhuha dari sudut istilah berdasarkan al-Sunnah. Namun, mereka belum menghayati maksud dan konsep sebenar solat sunat Dhuha secara mendalam. Terdapat kajian yang dibuat oleh Abu Bakar Hamed et al., (2017) berkaitan dengan Usahawan Wanita Muslim Berjaya : Amalan Gaya Hidup Islam yang menyatakan terdapat usahawan yang mempunyai kefahaman dan kepercayaan dengan amalan solat sunat Dhuha. Mereka mengamalkan solat sunat Dhuha setiap hari kerana mereka yakin amalan tersebut adalah sebagai pembuka rezeki. Dwi Wulandri (2019) membuat kajian tentang amalan solat sunat Dhuha terhadap akhlak dan moral pelajar di SMA Syarif Hidayatullah. Beliau menyatakan dengan mengerjakan solat sunat Dhuha, dapat meningkatkan tahap disiplin pelajar. Sikap tanggungjawab dapat dibentuk melalui amalan solat sunat Dhuha yang dikerjakan secara konsisten.

METODOLOGI KAJIAN.

Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan. Kajian yang dijalankan ini juga berbentuk kuantitatif. Metod ini juga bermaksud merancang atau membuat perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan berupaya menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2020). Kajian yang dibuat adalah kajian berbentuk kuantitatif iaitu dengan membuat kajian tinjauan menggunakan instrumen soal selidik terhadap sampel soal selidik yang diambil daripada kalangan para guru Sekolah Islam Sri Ayesha.

Populasi adalah merupakan jumlah semua penduduk atau satu kumpulan yang besar yang mendiami sesuatu tempat, daerah, negeri atau negara yang menjadi fokus utama dalam sesebuah penyelidikan. Ia juga turut mengandungi stratifikasi masyarakat, keluarga sesuatu bandar atau jawatan dalam pekerjaan yang dikenal pasti untuk dijadikan bahan penelitian atau kajian. Bagi ahli-ahli statistik, populasi merujuk kepada seluruh item yang telah dipilih untuk satu proses penyelidikan. Populasi tidak terhad hanya kepada manusia malah merangkumi semua item yang dipilih untuk dikaji (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali,

2020). Dalam kajian yang dibuat, populasi adalah terdiri daripada guru-guru Sekolah Islam Sri Ayesha. Penulis telah memilih populasi daripada guru-guru adalah kerana kajian yang dibuat adalah hanya fokus kepada mengkaji kefahaman dan amalan guru. Seramai 30 orang responden dipilih daripada kalangan guru lelaki dan guru perempuan. Penulis merupakan salah seorang tenaga pengajar di Sekolah Islam Sri Ayesha, justeru dengan pemilihan sekolah tersebut dapat membantu dan memudahkan kajian penulis di samping dapat menjimatkan kos perbelanjaan.

DAPATAN KAJIAN

Seramai 30 orang jumlah responden daripada kalangan guru Sekolah Islam Sri Ayesha yang terlibat di dalam kajian ini. Setiap responden yang menjawab soal selidik tersebut dapat memberikan kerjasama yang sangat baik berikutan respon yang ditunjukkan daripada setiap item yang mereka telah jawab. Ini menunjukkan bahawa setiap soalan yang dinyatakan dapat difahami oleh responden kerana setiap item tersebut menggunakan bahasa yang mudah dan jelas.

Jantina.

Seramai 13 orang (43.3%) orang responden yang terdiri daripada guru lelaki, manakala selebihnya iaitu 17 responden (56.7%) terdiri daripada guru perempuan. Ini menunjukkan guru perempuan lebih ramai berbanding guru lelaki.

Jadual 4.1: Taburan Kekerapan dan Peratusan Jantina Responden

| Jantina | Kekerapan | Peratus (%) |
|-----------|-----------|-------------|
| Lelaki | 13 | 43.3% |
| Perempuan | 18 | 56.7% |
| Jumlah | 30 | 100% |

Umur

Seterusnya, jadual menunjukkan kebanyakan responden adalah daripada mereka yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 14 orang (46.7%). Manakala, kedua tertinggi adalah responden berumur 24 hingga 30 tahun seramai 12 orang (40%). Seterusnya diikuti dengan responden berumur 41 tahun dan ke atas dengan catatan seramai 4 orang (13.3%).

Jadual 4.3 Taburan Kekerapan dan Peratusan Umur Responden

| Umur | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------------|-----------|-------------|
| 24 hingga 30 tahun | 12 | 40% |
| 31 hingga 40 tahun | 14 | 46.7% |
| 41 tahun ke atas | 4 | 13.3% |
| Jumlah | 30 | 100% |

Tahap Pendidikan.

Berdasarkan data hasil kajian responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda adalah yang teramai iaitu seramai 25 orang (83.3%). Kemudian diikuti pula dengan responden yang memiliki Diploma seramai 3 orang (10%). Seterusnya, pemilik Ijazah Sarjana adalah seramai 2 orang responden (6.7%).

Jadual 4.4: Taburan Kekerapan dan Peratusan Tahap Pendidikan Responden

| Tahap Pendidikan | Kekerapan | Peratus (%) |
|---------------------|-----------|-------------|
| Diploma | 3 | 10% |
| Ijazah Sarjana Muda | 25 | 83.3% |
| Ijazah Sarjana | 2 | 6.7% |
| Jumlah | 30 | 100% |

KEFAHAMAN TERHADAP SOLAT DHUHA.

Bahagian ini membincangkan tentang kefahaman guru-guru Sekolah Islam Sri Ayesha terhadap solat Dhuha. Ini adalah untuk melihat sejauhmana kefahaman para guru terhadap solat sunat Dhuha. Solat Dhuha bukan hanya sekadar dikerjakan sebanyak 2 rakaat, tetapi juga lebih daripada itu dengan waktu yang tertentu. Berikut adalah jadual mengenai taburan peratusan terhadap kefahaman guru-guru Sekolah Islam Sri Ayesha terhadap solat Dhuha.

Jadual 4.5: Taburan Peratusan Terhadap Kefahaman Guru-Guru Sekolah Islam Sri Ayesha Terhadap Solat Dhuha.

| Bil | Kefahaman Terhadap Solat Dhuha | Peratus (%) | | | | | Min | S.P. |
|-----|--|-------------|------|------|------|------|------|------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | | |
| B1 | Menunaikan solat Dhuha hukumnya sunat. | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 36.7 | 63.3 | 4.64 | 0.48 |
| B2 | Menurut Mazhab Shafie, Dhuha boleh dikerjakan sebanyak 8 rakaat. | 0.0 | 0.0 | 3.3 | 80.0 | 16.7 | 4.14 | 0.44 |
| B3 | Solat Dhuha boleh dilakukan sepanjang hari. | 50.0 | 36.7 | 6.7 | 3.3 | 3.3 | 1.78 | 0.99 |
| B4 | Solat Dhuha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 36.7 | 63.3 | 4.60 | 0.49 |
| B5 | Solat Dhuha menyebabkan rezeki menjadi lebih murah. | 0.0 | 0.0 | 6.7 | 30.0 | 63.3 | 4.57 | 0.63 |
| B6 | Solat Dhuha lebih afdhal dikerjakan secara jemaah | 0.0 | 30.0 | 46.7 | 23.3 | 0.0 | 2.92 | 0.71 |
| B7 | Solat Dhuha boleh dikerjakan paling banyak 8 rakaat | 3.3 | 20.0 | 33.3 | 43.3 | 0.0 | 3.21 | 0.87 |

STS – Sangat Tidak Setuju TS – Tidak Setuju KS – Kurang Setuju S – Setuju SS – Sangat Setuju

Berdasarkan jadual 4.5, menunjukkan hasil dapatan kajian terhadap kefahaman para guru Sekolah Islam Sri Ayesha terhadap solat sunat Dhuha. Majoriti guru bersetuju bahawa hukum menunaikan solat sunat Dhuha itu hukumnya adalah sunat. Solat sunat Dhuha merupakan salah satu solat yang menjadi amalan bagi Rasulullah SAW. Walaupun hukumnya sunat, namun disisinya terdapat pelbagai kelebihan bagi sesiapa yang mengerjakannya. Realitinya ibadah sunat dianggap ringan tidak seperti ibadah fardhu yang lain. Seorang yang beriman yang sudah mempunyai kekuatan jiwa dan kemahuannya, tidak akan merasa terbeban untuk melakukan solat-solat sunat disamping solat-solat yang difardukan ke atasnya. Bahkan mereka berasa tenang jiwa dan serta mendapat kegembiraan dengan mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata.

Item seterusnya ialah “Menurut Mazhab Shafie, solat Dhuha boleh dikerjakan sebanyak 8 rakaat”. Sebanyak 3.3% yang memilih jawapan kurang setuju untuk pernyataan tersebut. Manakala, 16.7% memilih sangat setuju dan paling banyak adalah sebanyak 80% yang memilih jawapan setuju. Ini menunjukkan ramai yang mempunyai pengetahuan bahawa solat sunat Dhuha bukan hanya dikerjakan sebanyak 2 rakaat sahaja. Maka, barang siapa yang ingin mendapatkan pahala, maka hendaklah dia mengerjakan solat sunat Dhuha sebanyak yang mampu. Namun, jika tidak menginginkan pahala tersebut, solat ini boleh ditinggalkan tanpa dosa atau halangan. (Nadwa Farhana Lubis et al., 2018)

Data tersebut menunjukkan bahawa majoriti responden memilih jawapan sangat setuju dan responden yang memilih jawapan kurang setuju adalah yang paling rendah. Kemungkinan kebiasaan mendirikan solat Dhuha sebanyak 2 rakaat menyebabkan mereka mempunyai kefahaman bahawa solat tersebut hanya dikerjakan sebanyak 2 rakaat, tidak lebih dan tidak kurang.

Seterusnya item ketiga, “Solat Dhuha boleh dilakukan sepanjang hari”. Untuk soalan ini, sebanyak peratusan tertinggi dicatat oleh pilihan jawapan sangat tidak setuju iaitu 50%. Kemudian diikuti dengan responden yang memilih jawapan tidak setuju sebanyak 36.7%. Seterusnya, responden yang memilih jawapan kurang setuju adalah sebanyak 6.7% dan untuk pilihan jawapan setuju dan sangat setuju mempunyai peratusan yang sama iaitu 3.3%.

Hasil kajian menunjukkan sebilangan besar responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item “Solat Dhuha boleh dilakukan sepanjang hari”. Solat Dhuha adalah solat sunat yang telah ditetapkan waktunya, tidak seperti beberapa solat sunat lain yang boleh dikerjakan pada bila-bila masa sahaja. Solat sunat Dhuha ialah solat yang dikerjakan ketika matahari sedang naik, iaitu pada waktu dhuha. Ia dinamakan solat Dhuha kerana ia dilakukan pada waktu dhuha, yang biasanya bermula kira-kira setengah jam selepas terbit matahari. (Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmad, 2018).

Item berikutnya adalah “Solat Dhuha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT”. Sebanyak 36.7% responden memilih jawapan setuju dengan item tersebut dan peratus tertinggi bagi jawapan item ini adalah sangat setuju iaitu 63.3%. Untuk pilihan jawapan lain tidak dipilih oleh mana-mana responden, hanya dua jawapan tersebut sahaja menjadi pilihan.

Amalan solat dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, sepetimana firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut ayat 45:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ﴿٤٥﴾

“Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar.”

Ianya juga merupakan kunci hati, menyucikan dan menginsafkan manusia. Ibadah fardhu merupakan suatu kebiasaan dan sentiasa dilakukan oleh kebanyakan hamba Allah, namun sudah pasti terdapat kelompongan di dalam amal ibadah yang dikerjakan itu. Justeru, amalan sunat perlu juga ditingkatkan sebagai bekalan untuk memperbaiki kelompongan ibadah fardhu tadi. Dalam masa yang sama ibadah sunat yang dikerjakan lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT. Tambahan pula ianya ‘bertaraf’ sunat dan bukan semua muslim berkehendak untuk mengerjakannya.

Setiap hamba Allah yang mengaku beriman kepadaNya mesti melazimi diri mereka dengan mengerjakan solat sunat Dhuha pada setiap hari. Ini merupakan salah satu tanda terima kasih dan bersyukur dengan nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT kepada kita. Kita dapat hidup di dunia ini, hidup pula di dalam agama Islam ianya merupakan suatu nikmat yang sangat besar.

Item yang kelima pula ialah, “Solat Dhuha menyebabkan rezeki menjadi lebih murah”. Responden yang menjawab kurang setuju sebanyak 6.7%, manakala sebanyak 30% menjawab setuju. Sebilangan responden menjawab sangat setuju dengan peratusan terbanyak iaitu 63.3%. Tiada jawapan lain yang dipilih melainkan tiga pilihan yang dinyatakan tadi sahaja.

Secara asasnya dapat difahami dengan jelas bahawa sememangnya rahsia disebalik solat tersebut adalah untuk dimurahkan rezeki. Antara doa yang boleh diamalkan seperti yang dinyatakan al-Nawawi di dalam *al-Majmu' Sharah al-Muhadzab* ialah:

Ya Allah! Cukupkanlah aku dengan (rezeki) yang halal daripada-Mu daripada (bergantung kepada) yang haram, dan kayakanlah aku dengan kurniaan-Mu yang selain daripada-Mu.

Memahami maksud solat Dhuha dapat membantu membentuk kesedaran dalam diri seseorang, khususnya ketika menghadapi tekanan emosi, kesulitan di dalam kehidupan, atau keperluan tertentu. Amalan yang konsisten dalam melaksanakan solat ini sering dikaitkan dengan kesan positif di dalam diri seseorang, seperti ketenangan jiwa dan persepsi tentang kelancaran urusan harian.

Seterusnya item yang keenam iaitu “solat Dhuha *afdal* dikerjakan secara berjemaah”. Pada bahagian ini sebanyak 23.3% responden memilih jawapan setuju bahawa solat Dhuha *afdal* dikerjakan secara berjemaah. Manakala sebanyak 30% tidak setuju untuk item tersebut dan ramai responden memilih kurang setuju dengan peratusan sebanyak 46.7%. Ini menunjukkan majoriti responden berpendapat sesiapa yang mengerjakan solat Dhuha secara bersendirian tetap mendapat fadhilat yang besar.

Item yang terakhir pada bahagian ini ialah “Solat Dhuha boleh dikerjakan paling banyak 8 rakaat”. Responden yang memilih jawapan sangat tidak setuju ialah 3.3%, itu adalah peratus

yang terendah. Seterusnya sebanyak 20% memilih tidak setuju terhadap item tersebut, manakala 33.3% menyatakan kurang setuju. Kebanyakan responden memilih jawapan setuju dengan peratusan tertinggi iaitu 43.3%. Al-Nawawi menyatakan di dalam *al-Majmu' Sharah al-Muhadzdzab*, Rasulullah SAW menunaikan solat Dhuha sebanyak 8 rakaat. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Hani ketika peristiwa Pembukaan Kota Mekah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْفَتْحِ صَلَّى سُبْحَةً الصُّحَّى ثَمَانِيَّ رَكْعَاتٍ يُسَلِّمُ مِنْ كُلِّ رَكْعَتِينَ .

Sesungguhnya Rasulullah SAW pada hari pembukaan (Kota Mekkah) telah menunaikan solat sunat Dhuha sebanyak lapan rakaat, dengan memberi salam pada setiap dua rakaat".

[Sunan ābi-Dāwud, no hadis: 1290]

PELAKSANAAN SOLAT DHUHA

Setelah menganalisis kefahaman guru-guru Sekolah Islam Sri Ayesha terhadap solat Dhuha, seterusnya ialah menganalisis pelaksanaan solat Dhuha di kalangan guru-guru pula.

Jadual 4.6 Taburan Peratusan Terhadap Amalan Guru-Guru Sekolah Islam Sri Ayesha Terhadap Solat Dhuha.

| Bil | Amalan Terhadap Solat Dhuha | Peratus (%) | | | | | Min | S.P. |
|-----|---|-------------|------|------|------|------|------|------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | | |
| C1 | Saya mengerjakan solat Dhuha setiap hari. | 6.7 | 0.0 | 50.0 | 33.3 | 10.0 | 3.39 | 0.95 |
| C2 | Saya mengerjakan solat, Dhuha ketika berada di sekolah sahaja. | 6.7 | 46.7 | 36.7 | 6.7 | 3.3 | 2.57 | 0.87 |
| C3 | Saya mengerjakan solat Dhuha ketika bersama pelajar. | 13.3 | 6.7 | 43.3 | 36.7 | 0.0 | 3.00 | 1.01 |
| C4 | Saya mengerjakan solat Dhuha 2 rakaat sahaja. | 3.3 | 0.0 | 6.7 | 36.7 | 16.7 | 4.00 | 0.76 |
| C5 | Saya menggalakkan pelajar dan ahli keluarga untuk mengamalkan solat Dhuha | 3.3 | 0.0 | 0.0 | 53.3 | 43.3 | 4.28 | 0.80 |
| C6 | Saya menghafal doa Dhuha dengan baik. | 0.0 | 0.0 | 26.7 | 43.3 | 30.0 | 4.00 | 0.76 |

STS – Sangat Tidak Setuju TS – Tidak Setuju KS – Kurang Setuju S – Setuju SS – Sangat Setuju

Berdasarkan jadual 4.6, menunjukkan hasil dapatan kajian terhadap amalan para guru Sekolah Islam Sri Ayesha terhadap solat sunat Dhuha. Apabila diamati, para guru tidak melaksanakan solat sunat Dhuha secara konsisten secara setiap hari kerana majoriti memilih ‘kurang setuju’ terhadap item “Saya mengerjakan solat Dhuha setiap hari”. Namun tidak dinafikan terdapat sebahagian lagi daripada kalangan mereka yang konsisten menunaikannya setiap hari. Berkemungkinan mereka sudah biasa dengan amalan harian tersebut menyebabkan berasa janggal jika mereka meninggalkannya.

Agak menarik perhatian apabila majoriti guru bukan hanya mengerjakan solat sunat Dhuha di sekolah sahaja, bahkan mereka juga melaksanakannya di rumah dan selain sekolah. Kebanyakan daripada kalangan mereka juga menunaikan solat Dhuha bukan bersama dengan pelajar. Ini bermakna mereka melakukannya secara bersendirian atau bersama keluarga masing-masing ketika berada di rumah.

Guru-guru juga majoritnya mengerjakan solat sunat Dhuha sebanyak 2 rakaat dan terdapat segelintir kecil daripada mereka melaksanakan lebih daripada 2 rakaat. Manakala hampir kesemua para guru Sekolah Islam Sri Ayesha menggalakkan pelajar dan ahli keluarga mereka untuk mengerjakan solat sunat Dhuha. Galakan ini sangat bertepatan dengan ciri-ciri seorang guru yang mana sentiasa mengajak kearah kebaikan, bukan sahaja pelajar, tetapi juga mengajak keluarga mereka bersama-sama.

Hampir kesemua para guru menghafal doa Dhuha dengan baik. Semestinya guru yang mengajar murid perlu menghafal doa dengan baik kerana mereka akan mengajarkan pula kepada murid. Apabila doa tersebut dapat dihafal dengan baik, maka mudah bagi mereka untuk menghayatinya khususnya apabila doa tersebut dibacakan didalam Bahasa Melayu. Setiap maksudnya mudah untuk difahami.

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji dapat mengenalpasti beberapa implikasi yang terbentuk daripada kajian yang telah dibuat. Berdasarkan apa yang telah difahami oleh pengkaji, solat sunat Dhuha adalah suatu ibadah yang dianggap ringan dan remeh bagi setiap muslim untuk mengerjakannya. Kurangnya pengetahuan menyebabkan terdapat dikalangan responden yang beranggapan bahawa solat Dhuha boleh dikerjakan sepanjang hari, walhal solat tersebut mempunyai waktu yang tertentu untuk mengerjakannya.

Hasil kajian yang telah dilaksanakan menunjukkan bahawa responden, walaupun mereka terdiri daripada pendidik dan mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, namun mereka mempunyai tahap pemahaman yang berbeza mengenai solat sunat Dhuha dan perkara berkaitannya. Secara keseluruhannya, kefahaman para guru Sekolah Islam Sri Ayesha agak baik. Namun begitu terdapat segelintir yang perlu diperbaiki kefahaman mereka. Hal ini kerana solat sunat Dhuha dilihat sama seperti solat-solat sunat yang umum. Justeru perlu diadakan dan diwujudkan usaha dan kaedah untuk memberi kefahaman kepada mereka. Guru adalah model kepada anak murid dan mereka perlu menunjukkan contoh tauladan dan menggalakkan pelajar untuk kearah kebaikan.

Terdapat solat-solat sunat yang disyariatkan untuk dikerjakan secara berjemaah dan begitu juga sebaliknya. Imam Nawawi menyatakan di dalam *al-Majmu' Sharah al-Muhadzdzab*

bahawa, solat-solat sunat itu tidak disyariatkan untuk dikerjakan secara berjemaah, kecuali solat sunat seperti solat sunat hari raya Aidilfitri dan Aidiladha, solat gerhana dan solat istisqa'. Solat yang dinyatakan tersebut afshal dikerjakan secara berjemaah. Walaubagaimanapun, Wahbah al-Zuhayli di dalam kitab *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*, solat sunat yang lain seperti solat rawatib yang dikerjakan bersama solat-solat fardhu, solat Dhuha dan juga solat-solat sunat yang mutlak, maka tidak disyariatkan pada semua jenis solat sunat itu untuk dilaksanakan secara berjemaah, iaitu tidak disunatkan.

KESIMPULAN

Para guru Sekolah Islam Sri Ayesha mempunyai kefahaman yang agak baik berkaitan solat sunat Dhuha. Begitu juga dengan amalan solat sunat Dhuha, yang mana para guru telah menyatakan mereka mempunyai amalan solat Dhuha yang memberangsangkan dan positif. Terdapat juga beberapa perkara yang perlu diperkemaskan lagi supaya kefahaman dan amalan terhadap ibadah tersebut dapat ditingkatkan lagi. Walaupun terdapat beberapa guru yang belum melakukan solat ini secara tetap, namun kebanyakannya daripada mereka komited dan melakukannya sama ada di sekolah atau di rumah.

Ini menunjukkan betapa pentingnya sunat Dhuha dalam kehidupan seharian. Aspek kefahaman berfungsi sebagai elemen penting bagi memastikan penghayatan terhadap ibadah ini diaplikasikan dalam amalan seharian. Kefahaman yang menyeluruh merangkumi pengetahuan tentang hukum, dalil, hikmah, dan adab pelaksanaan. Bagi melahirkan para pelajar yang beramal dengan solat Dhuha, perlu dimulakan dengan guru terlebih dahulu. Maka para guru perlu dipergiatkan kefahaman mereka terhadap solat sunat Dhuha.

Guru-guru juga mempunyai keupayaan yang sangat baik untuk menghafaz doa solat Dhuha, yang membolehkan mereka menyampaikan dan menghayatinya dengan penuh kefahaman. Hal ini secara tidak langsung mengukuhkan tugas mereka sebagai pendidik, kerana mereka bukan sahaja mengajar tetapi juga memberi contoh dalam kehidupan rohani dan spiritual. Guru-guru di Sekolah Islam Sri Ayesha melakukan solat Dhuha setiap hari. Ini menunjukkan budaya ibadah yang positif, konsisten dan mendalam, serta memperkasakan mereka sebagai *role model* dalam mendidik generasi yang berakhlaq dan berjiwa Islami.

RUJUKAN

- 'Abd al-Rahman al-Jaza'iri. 2011. *Fiqh 4 Mazhab*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ahmad Munawar & Mohd Nor Shazihan. 2020. *Mengenali Kuantitatif dan Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Selangor: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fadzil Hj. Ahmad. *Hidup Ibadat*. Kedah: D7 Dagang Sdn Bhd.
- Fathuri Salehuddin. 2012. *Mudahnya Menjemput Rezeki*. Kelantan: Fathuri Salehuddin.
- Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. 2009. *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Kandiri Arfandi. 2021. Guru Sebagai Model dan Tauladan Dalam Meningkatkan Moralitas Siswa. *Edupedia*, 6(1).
- Khairulhelmi Katip, Sulaiman Shakib Mohd. Noor & Ahmad Marzuki Muhamad. *Elemen*

- Penilaian Amalan Qudwah Hasanah Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid.* Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalid Al-Husainan. 2014. *Lebih Dari 1000 Amalan Sunnah Dalam Sehari Semalam.* t.t.p.: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Mohamad Razif Mohamad Fuad. 2013. *Tip Sebagai Muslim Bertakwa.* Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Muhammad Hafiy Abdul Rashid & Mumtazah Narowi. 2021. Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Islam Di Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial Di Universiti Selangor. *International Conference And Muktamar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021).*
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan 'Ali al-Sharbaji. 2008. *Kitab Fikah Mazhab Syafie.* Kaherah: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir.
- Nadwa Farhana Lubis Ganden Lubis & Mohd Hasbie al-Shiddieque Hamad. (2018). *Perspektif Solat Sunat Dhuha Di Kalangan Pelajar KUIS.* Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nik Azran Muhammed & Warnidah Wan Abdul Razak. 2006. *Panduan Lengkap Kehidupan Muslim.* Kaherah: Persekutuan Republik Arab Melayu Mesir.
- Ramli Awang & Rosmaziah Abdul Kadir @ Ismail. *Amalan Solat Sunat Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia.* Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia
- Siti Zaleha Ibrahim, Dr. Noraini Mohamad. 2023. Pelaksanaan Solat Sunat Dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYAL 2023).*
- Wan Shuhairi Wan Mohamad. 2013. *Doa Murah Rezeki.* Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Wan Suhairi Wan Mohamad. 2015. *Mulakan Kerja Dengan Doa.* Selangor : PTS Islamika Sdn Bhd
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd.Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. 2015. Amalan Pengajaran Guru Tilawah Al-Quran: Kajian Kes Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(1): 77-86*
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2015. *Al-Fiqh al-Manhaji: Ibadat Dalam Fiqh Al-Shafi'i.* Selangor: Darul Syakir Enterprise.